

PROGRAM 7 PILLARS:

KURSUS ETIKA SOSIAL & CERAMAH KERJAYA 2009

Oleh: Azilawati Suanda

Peranan sebuah universiti dalam melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dari segi penampilan akademik tetapi juga dari segi melahirkan graduan yang berdaya saing dalam memenuhi permintaan dan pasaran global. Untuk meralisasikan usaha di atas, maka Kursus Etika Sosial dan Ceramah Kerjaya telah dilaksanakan pada 4 April 2009 di Dewan 2020, Kangar dalam mendedahkan pelajar UniMAP kepada aspek-aspek penampilan diri dalam menempuhi alam pekerjaan. Kursus ini merupakan anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Kursus Wajib yang dikenali sebagai 7 Pillars ini telah dihadiri oleh semua pelajar Tahun 4, Pengajian Peringkat Ijazah. Kursus ini sememangnya dikhaskan kepada semua pelajar Ijazah Tahun 4 kerana mereka merupakan pelajar yang akan bergraduasi dan seterusnya akan menempuhi alam perkerjaan. Tujuan kursus ini diadakan adalah memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan tentang pengalaman temuduga selain mempelajari etika ketika menghadiri temuduga. Ini adalah amat penting bagi mereka untuk mempelajari terutamanya dari segi aspek pemakaian. Disamping itu, pengetahuan tentang etika sosial juga wajar diberi perhatian memandangkan mereka akan berhadapan dengan pelbagai ragam serta golongan manusia dalam pekerjaan nanti. Latihan tentang cara atau adab-adab menghadiri sesuatu majlis rasmi adalah amat penting ketika mereka berada dalam pekerjaan.

Perasmian kursus ini telah disempurnakan oleh Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Prof. Madya Dr. Johari Adnan. Manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar & Alumni, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, En. Badrul Azmi Abdul Holed. Pihak penganjur telah menjemput beberapa orang penceramah yang berpengalaman bagi memberi input yang berguna kepada para pelajar. Diantaranya ialah, En. Abu Bakar Abdul Aziz daripada INTAN yang memberi ceramah bertajuk Personaliti, Interaksi dan Pengurusan Diri Dalam Alam Pekerjaan. Selain itu, Puan Nor Asmahan Othman, Senior Manager, Silterra Malaysia dengan tajuk ceramah Do and Don't. Manakala dua lagi penceramah merupakan tenaga pengajar daripada UniMAP iaitu Prof. Madya Dr. Narimah Ismail dan Encik Mohd Zukime Mat Junch dengan tajuk ceramah "Excellence Resume Writing" dan Recession & Engineering Career".

Kursus seperti ini diyakini berupaya meningkatkan keyakinan diri sebagai mahasiswa. Keupayaan untuk dilihat yang terbaik oleh bakal majikan selain mendapat penilaian dan persepsi yang positif tentulah mempunyai nilai tambah kepada seseorang pelajar apabila mereka berhadapan dengan alam pekerjaan. Justeru pelajar perlu diberi pendidikan dan latihan dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan etika sosial.

